

MENJELANG KELAYAKAN KEJOHANAN B-23 AFC

Malaysia dijangka uji Australia tanpa 3 tonggak

B/HARAN 17/3/18 MS 62

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD /BH]

Shah Alam: Tiga pemain skuad bawah 23 tahun negara (B-23) berkemungkinan terlepas peluang untuk menguji skuad B-23 Australia dalam aksi persahabatan di Stadium Shah Alam, malam ini sekali gus sekadar menjadi 'penonton'.

Ia selepas tiga pemain terbabit iaitu Dominic Tan, Faisal Halim dan R Kogileswaran masih berdepan kecederaan namun situasi itu jelas tidak merisaukan pengendali skuad B-23, Datuk Ong Kim Swee memandangkan hanya kecederaan ringan yang dialami tiga tonggak terbabit.

Bagaimanapun, Kim Swee menjelaskan penilaian akan tetap dibuat bagi menentukan status mereka sebelum senarai akhir ke Kelayakan Kejuaraan B-23 Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) 2020 diputuskan.

"Mereka tidak mengalami kecederaan serius namun masih memerlukan sehari dua untuk pulih. Kita akan melihat perkembangan mereka sebelum menyenaraikan 23 pemain ke pusingan kelayakan. "Berhubung soal persefahaman,

mereka masih lagi memerlukan masa untuk mendapatkan keserasian yang baik selepas kurang seminggu menjalani latihan namun saya yakin mereka akan bertambah baik selepas bertemu Australia," katanya ketika ditemui pada sesi latihan di Stadium Shah Alam, di sini, semalam.

Tumpu corak permainan

Dominic mengalami kecederaan pangkal paha sementara Faisal Halim berdepan kecederaan di kaki dan Kogileswaran di bahagian buku lali.

Mengulas lanjut aksi bertemu skuad B-23 Australia, Kim Swee menegaskan perlawanan itu tetap mustahak sekalipun dia mengakui tidak begitu mementingkan keputusan yang akan diraih anak buahnya.

"Kita lebih menumpukan ke-pada corak permainan dan bagi saya, itu lebih penting berbanding keputusan. Perlawanan ini memberi peluang untuk kita menilai kekuatan pasukan Australia dan pada masa sama, kita boleh melihat kelemahan yang masih ada dalam pasukan kita," katanya.



Kim Swee ketika sesi latihan skuad B-23 negara di Stadium Shah Alam bagi persiapan perlawanan persahabatan menghadapi pasukan Australia B-23, malam ini.